

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 JULY 2017

Dasar Keselamatan Negara rujukan tangani ancaman: Najib

BH-20/7/2017 pg. 2

➔ DKN tetapkan 9 Nilai Teras Negara perlu dipertahankan melalui 20 strategi utama

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

► Putrajaya

Dasar Keselamatan Negara (DKN) akan menjadi pa-yung dan rujukan kepada dasar sedia ada berkaitan keselamatan bagi mencegah serta menangani pelbagai ancaman keselamatan yang semakin kompleks.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata DKN yang digubal dan diluluskan Kabinet pada 11 Januari lalu selaras dengan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2016, menetapkan sembi-

lan Nilai Teras Negara yang perlu dipertahankan melalui 20 strategi utama.

“Dasar ini akan menjadi rujukan kepada dasar sedia ada seperti Dasar Keselamatan Dalam Negeri, Dasar Pertahanan Negara dan dasar lain yang menjurus kepada keharmonian hidup rakyat serta negara ini.

Dokumen rujukan

“Dasar ini diperkenalkan sebagai dokumen rujukan utama kepada semua agensi Persekutuan dan negeri dalam menggubal dasar sedia ada, bagi memastikan negara berupaya mencegah dan menangani pelbagai ancaman keselamatan yang sema-

kin dinamik lagi kompleks.

“Keselamatan Malaysia pada asasnya merujuk kepada suatu situasi bebas daripada ancaman terhadap nilai teras negara, sama ada ia berbentuk ancaman dari dalam mahu pun luar,” katanya pada pelancaran buku *DKN* di Perdana Putra, di sini semalam.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Kabinet; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin.

Perdana Menteri juga mahu semua agensi peringkat Persekutuan serta negeri merujuk DKN dalam

penggubalan dasar baharu dan jika dasar sedia ada terutama berkaitan keselamatan tidak konsisten dengan DKN, penambahbaikan dan pengubahsuaian perlu dilakukan.

Beliau berkata, sejajar dengan perubahan pantas landskap keselamatan dunia, kerajaan memutuskan DKN akan disemak sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.

“Pelaksanaan dasar ini akan dipantau melalui pembentukan Jawatankuasa Penyelarasan Peringkat Kementerian, Jabatan dan Agensi, yang akan dipengerusikan Ketua Pengarah Keselamatan Negara,” katanya.